

Cagamas terbit bon, sukuk RM410 juta

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Cagamas Bhd. (Cagamas) menerbitkan agregat bon atau sukuk satu tahun berjumlah RM410 juta terdiri daripada RM180 juta Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) dan RM230 juta Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN).

Ketua Pegawai Eksekutif perbadanan gadai janji nasional itu, Datuk Chung Chee Leong berkata, hasil terbitan berkenaan akan digunakan untuk pembelian pinjaman gadai janji dan pembiayaan perumahan Islam daripada sistem kewangan.

"Kami gembira dengan penyeritaan pelabur asing secara berterusan dalam terbitan ini menandakan keyakinan dan penerimaan mereka terhadap penerbitan de-

nominasi oleh mata wang tempatan, ringgit serta kertas terbitan Cagamas.

"Kami juga gembira dengan usaha proaktif syarikat bersama pelabur asing serta inisiatif berterusan dalam mempromosikan pasaran dagangan sekunder kertas terbitan Cagamas telah berjaya," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Chee Leong berkata, faedah bagi pelabur pendapatan tetap asing itu diperoleh daripada langkah Bank Negara Malaysia (BNM) meningkatkan aktiviti kecairan dan dagangan dalam pasaran per-



CHUNG CHEE LEONG

tukaran asing, bon dan infrastruktur kewangan.

"Sambutan menggalakkan daripada pelabur terhadap terbitan terbabit membolehkan Cagamas mendapatkan harga yang sangat kompetitif dengan langganannya daripada pelbagai segmen pasaran termasuk pelabur asing,"

katanya.

Tambah beliau, kertas terbitan tersebut yang akan ditebus pada nilai nominal penuh apabila matang, adalah obligasi tidak bercagar Cagamas berada pada kedudukan yang sama dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada syarikat.